

# Memperkenalkan

# PETRON CORPORATION

# Filipina Kini di Malaysia

Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd  
(dahulunya dikenali sebagai Esso Malaysia Berhad),  
Petron Fuel International Sdn Bhd  
(dahulunya dikenali sebagai Exxon Mobil Malaysia Sdn Bhd),  
Petron Oil (M) Sdn Bhd  
(dahulunya dikenali sebagai ExxonMobil Borneo Sdn Bhd)



Memperkenalkan salah sebuah syarikat penapisan dan pemasaran minyak yang paling pesat berkembang di rantau ini, **Petron Corporation** kini di Malaysia. **Petron Malaysia** adalah sebahagian daripada **Petron Corporation Filipina**.

Hari ini, Petron Corporation merupakan salah sebuah syarikat penapisan dan pemasaran minyak bersepadu yang terbesar di Filipina. Ia adalah peneraju utama dalam semua segmen bisnes dalam industri minyak di Filipina. Petron terkenal dengan produknya yang inovatif, perkhidmatan yang cemerlang, dan perkongsian niaga yang berjaya yang dibina berdasarkan kepercayaan dan keyakinan, dan keprihatinan terhadap pengguna dan rakan niaga.

Pada 30 Mac 2012, Petron Corporation mengambil alih perniagaan hiliran ExxonMobil di Malaysia. Pelaburan di Malaysia menempa satu lagi pencapaian bersejarah bagi Petron Corporation. Ekonomi Malaysia yang liberal dan dinamik dilihat sebagai satu potensi yang besar. Petron Malaysia menyediakan bahan api komersial, minyak pelincir, LPG dan produk petrokimia.

Petron Corporation komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan di Malaysia melalui rangkaian stesen servis kami. Petron Malaysia telah memulakan penjenamaan semula servis stesen berjenama Esso dan Mobil di seluruh negara bagi memaparkan identiti yang baru. Nantikan logo merah dan biru kami yang terserlah apabila anda mengunjungi stesen servis Petron. Pengalaman sehenti yang menarik menanti pengguna di kedai serbaneka Treats, di mana kad Smiles masih diterima.

KETAHUI LEBIH LANJUT TENTANG  **PETRON CORPORATION**  
[www.petron.com.my](http://www.petron.com.my)

FUEL FOR EVERYONE

PANDU CERMAT JIWA SELAMAT